

PROFESIONALISME MUFTI DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI: ANALISIS TERHADAP JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS, TERENGGANU DAN PAHANG

The Professionalism of Mufti and State Fatwa Committee Members: An Analysis of Perlis, Terengganu and Pahang State Fatwa Committee

Mohd Harifadilah Bin Rosidiⁱ, Ahmad Wifaq Bin Mokhtarⁱⁱ & Mohd Nasir Bin Abdul Majidⁱⁱⁱ

ⁱCalon Ph.D, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, harifadilahrosidi@gmail.com

ⁱⁱProfessor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, wifaq@usim.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, nasirmajid08@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Pelantikan mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri perlu dibuat berdasarkan Profesionalisme yang perlu ada pada jawatan tersebut untuk menghasilkan penyelidikan fatwa yang bermutu, kompeten dan diyakini. Jesteru kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profesionalisme Mufti dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri seterusnya melakukan analisis terhadap Jawatankuasa Fatwa sedia ada. Kaedah penyelidikan kualitatif melalui reka bentuk kajian analisis komparatif digunakan. Data yang dikumpul daripada surat rasmi, temubual, buku, artikel dalam jurnal, prosiding dan disertasi dianalisis secara deskriptif. Sementara itu, Jawatankuasa Fatwa negeri Perlis, Terengganu dan Pahang pula dipilih untuk dianalisis. Hasil kajian menunjukkan 3 kriteria utama pemilihan mufti untuk memperkasakan Profesionalisme Jawatan Mufti iaitu berpendidikan tinggi, berkelulusan syariah</p>	<p><i>The appointment of muftis and members of the state fatwa committee should be made based on the professionalism present in the position to produce quality, competent and credible fatwa research. Therefore, this study aims to identify the professionalism of the Mufti and Members of the State Fatwa Committee and then conduct an analysis of the existing Fatwa Committee. Qualitative research methods through comparative analytical study design were used. Data collected from official letters, interviews, books, journals, proceedings and dissertations were analyzed descriptively. Meanwhile, the Fatwa Committees of Perlis, Terengganu and Pahang were selected for analysis. The study results showed that the three main criteria for choosing a mufti to strengthen the Professionalism of the Mufti Position are highly educated, syariah qualified and with a background as an academic. The analysis of the Perlis State Fatwa Committee found that most members met these criteria while the Terengganu and Pahang State Fatwa</i></p>

<p>dan berlatar belakang sebagai ahli akademik. Hasil analisis terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mendapati kebanyakannya ahli memenuhi kriteria ini manakala bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu dan Pahang masih berada di tahap yang sederhana. Kajian lanjut perlu dijalankan terhadap organisasi jawatankuasa negeri-negeri lain untuk memastikan tahap profesionalisme jawatan ini terus diperkasakan.</p> <p>Kata kunci: Profesionalisme, Mufti, Ahli Jawatankuasa Fatwa</p>	<p>Committees were still at a moderate level. Further studies need to be conducted on the committee organizations of other states to ensure that the level of professionalism of these positions continues to be strengthened.</p> <p>Keywords: Professionalism, Mufti, fatwa, State Fatwa Committee</p>
---	---

PENDAHULUAN

Profesionalisme merupakan elemen yang penting dalam pengurusan sesebuah perkhidmatan samada bagi sektor awam maupun swasta sehingga terwujudnya sebuah pengurusan yang cekap dan efektif serta mampu memenuhi kepuasan semua pihak (al-Qudsy et al., 2009). Hassan (1988) menjelaskan profesionalisme sebagai tingkah laku kemahiran atau kualiti yang dapat menunjukkan bahawa seseorang itu mempunyai pengalaman dan standard yang tinggi yang boleh diharapkan daripada ahli sesuatu profesi itu. Dengan erti kata lain, profesionalisme bermaksud memiliki kompetensi yang tinggi, lengkap dengan pengetahuan dan kepakaran tugas yang dilaksanakan (Al-Qudsy et al., 2009). Elemen ini juga wujud dalam pentakrifan profesionalisme oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN, 1991) dengan meletakkan 2 asas profesionalisme iaitu ilmu pengetahuan yang tinggi dan kemahiran yang mencukupi bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Perbahasan berkenaan profesionalisme banyak dibahaskan terhadap profesi perguruan (Sulaiman, 2002; Syed Hassan et al., 2009; Abu Hasan & Musa, 2020; Khareng et al., 2020) kesihatan (Stubbing et al., 2019; Fong et al., 2020; Jalil et al., 2020) guaman (Antoniuk, 2019; McEvoy, 2019; Bliss, 2021), kewangan (Lail et al., 2017; Coram & Robinson, 2017) dan sebagainya. Pada masa yang sama, kewujudan 14 institusi fatwa di Malaysia yang diketuai oleh seorang mufti dan sejumlah ahli jawatankuasa fatwa negeri dengan latar belakang serta pengalaman yang berbeza berperanan menjawab persoalan dan permasalahan yang dibangkitkan meletakkan institusi ini pada kedudukan yang tinggi bagi sesebuah negeri (Rosidi et al., 2021a). Apatahlagi, institusi ini juga berperanan mewartakan fatwa yang mampu mengikat masyarakat Muslim yang bermaustatin di negeri berkenaan dan mendakwa mereka yang

mengingkari fatwa tersebut di mahkamah syariah (Buang, 2002; Nasohah, 2005; Rosidi et al., 2021a). Sehubungan dengan itu, melihat kepada kedudukan dan peranan institusi ini yang tidak kurang pentingnya, maka penulisan ini akan mengkaji profesionalisme mufti dan ahli jawatankuasa fatwa negeri di Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Mufti dan Kelayakannya menurut Islam

Mufti ialah seorang yang boleh memandu manusia dengan fatwanya kepada perlaksanaan yang sederhana dan sesuai dengan keadaan orang ramai (As-Syatibi, 1994). Al-Qasimi (1986) mendefinisikan mufti sebagai ialah orang yang mempunyai tiga syarat kelayakan iaitu ijтиhad, 'adil dan tidak mempermudah-mudahkan atau memperingan-ringankan dalam menentukan hukum. Secara khususnya, Mufti hendaklah seorang yang arif terhadap sumber hukum iaitu al-Kitab. Perkara yang perlu diketahui daripada al-Kitab pula terdiri daripada ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum-hukum halal dan haram. Mufti juga mesti mengetahui hadith-hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W yang menjelaskan hukum-hukum syarak. Selain itu, pengetahuan berkenaan wasilah atau jalan yang membolehkan seseorang memahami al-Kitab dan al-Sunnah seperti makna sebenar dan majaz, am dan khas, Mujmal dan mufassal, mutlaq dan muqaiyad, mantuq dan mafhum, mengetahui kaedah kaedah bahasa Arab diperlukan oleh seorang mufti. Ilmu berkenaan Nasikh dan mansukh, ijma' dan perselisihan pendapat di kalangan salaf, bagaimana kaedah mengasingkan 'illah, mengetahui tertib susunan dalil-dalil syarak dan bentuk tarjih mestilah dikuasai sepenuhnya oleh seorang mufti (al-Qasimi, 1986).

Sementara itu, al-Asnawi (tt) pula menjelaskan bahawa mufti hendaklah seorang mujtahid sama ada mujtahid mutlak, mujtahid mazhab atau mujtahid fatwa. Mujtahid mutlak ialah mereka yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulamak usul al-fiqh iaitu hendaklah menguasai ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak, menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seperti 'Ulum al-Quran, 'Ulum al-Hadith dan Bahasa Arab. Manakala Mujtahid mazhab pula ialah mereka yang berupaya mentarjih dan menghuraikan nas-nas syarak yang dikemukakan oleh imam mereka. Mujtahid mazhab tidak menggunakan fatwa yang sedia ada di sisi imam mereka, sebaliknya mereka mengeluarkan fatwa melalui proses dan penelitian yang mereka lakukan sendiri dengan berpandukan nas-nas dan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh imamnya. Mujtahid ini hendaklah mengetahui apakah sumber yang digunakan oleh imamnya dalam mengeluarkan fatwa. Sekiranya sumber itu merupakan hadith maka dia mesti mengetahui sanad dan riwayatnya.

Sekiranya sumber itu merupakan qiyas maka apakah 'illah dan halangan-halangan yang boleh membatalkan proses qiyas tersebut. Mujtahid ketagori ini ialah seperti Imam Abu Yusuf dalam Mazhab Hanafi dan Imam Al-Raf'i dalam Mazhab Shafi'i. Manakala mujtahid fatwa pula ialah mereka yang mahir dalam mazhab imam mereka serta berupaya mentarjihkan mana-mana pendapat imam tersebut tetapi tidak berupaya mengeluarkan pendapat sendiri (Kasan & Jamal, 2003).

Imam al-Haramain Al-Juwainy (1992) menyatakan syarat mufti yang layak mengeluarkan fatwa secara bebas ialah seorang yang mengetahui dan menguasai bahasa Arab, tafsir, hadith dengan mengikut penjelasan yang telah sedia ada dengan merujuk kepada kitab-kitab hadith yang telah sedia tersusun, usul al-fiqh, fiqh dan dia bersifat adil. Beliau menjelaskan maksud menguasai ilmu-ilmu tersebut bukanlah semestinya menghafal segala-galanya, tetapi memadai seorang itu berupaya mengetahuinya apabila diperlukan walaupun hanya berkenaan dengan satu-satu pecahan masalah fiqah. Oleh hal yang demikian, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti hendaklah bersandarkan kelayakan keilmuan yang betul-betul mantap serta digandingkan dengan pengetahuan realiti semasa umat Islam bagi memenuhi keperluan mereka yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa (Ahmad Ibrahim, 1965).

Profesionalisme menurut Islam

Profesional dalam Islam didasari 3 aspek utama ajaran Islam iaitu Islam, Iman dan Ihsan (Al-Qaradhawi, 1989). Islam sebagai ekspresi operasi merupakan dasar profesionalisme yang menuntut setiap manusia supaya bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal untuk keperluan diri dan keluarga serta mengiktirafnya sebagai salah satu bentuk penunaian amanah dari Allah SWT (Al-Qaradhawi, 1989; Ghozali & Kamri, 2015). Oleh hal yang demikian, seorang Muslim yang profesional perlu memastikan setiap gerak kerja operasinya sentiasa mengikut ajaran Islam bermula dengan niat yang betul, cara pelaksanaan menepati syariah dan juga hasil pekerjaan menitikberatkan soal halal dan haram di dalam Islam.

Prinsip keimanan iaitu melaksanakan amanah dengan ikhlas demi memperoleh keredhaan Allah perlu mendasari profesionalisme dengan bermula daripada membina konsep, pandangan, sikap, gaya berfikir berdasarkan keimanan, sehinggalah penentuan bentuk tindakan dalam organisasi yang akan membentuk impak positif ke arah melahirkan generasi dan organisasi yang profesional (al-Qaradhawi, 1989; Hassan, 1992; Kamri, 2002; Ghozali & Kamri, 2015).

Ihsan pula mendidik seseorang supaya sentiasa berwaspada dan lebih bertanggungjawab terhadap hukum syarak sepanjang melaksanakan tugas serta mengawasi diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT kerana timbul perasaan takut dan merasakan dirinya sentiasa diperhatikan oleh-Nya. Interpretasi ihsan dalam pekerjaan akan menghasilkan niat yang ikhlas, bersungguh-sungguh dalam pekerjaan dan komited terhadap pekerjaan sehingga berjaya mencapai hasilnya (al-Qaradhawi, 1989; Ghazali & Kamri, 2015).

Antara ciri-ciri profesionalisme dalam Islam adalah *Kafa'ah* (Ahli dalam bidang pekerjaan yang dilakukan), amanah (percaya dan bertanggungjawab), '*Awfu bi al-'uqud* (memenuhi komitmen), *Himmah al-'amal* (memiliki semangat atau etika yang tinggi) dan *Ansar Allah* (bersedia membantu) (al-Qaradhawi, 1989; Ghazali & Kamri, 2015). *Kafa'ah* (Berkemampuan) merujuk kepada adanya kecekapan dan keahlian dalam melakukan sesuatu bidang pekerjaan. Islam sangat menitik beratkan soal kemampuan dalam melakukan pekerjaan. Lebih-lebih apabila melibatkan kepentingan orang ramai, sesuatu urusan hendaklah diuruskan oleh orang yang berkemampuan dan profesional (al-Qaradhawi, 1989; Ghazali & Kamri, 2015). Ciri-ciri berkemampuan ini sering digandingkan dengan ciri amanah menjadikan dua ciri ini sebagai kayu ukur terhadap profesionalisme sesuatu pekerjaan (Al-Quran. Al-Qasas 28: 26).

Amanah adalah segala sesuatu kepercayaan yang diperintahkan seseorang untuk mengurusnya yang merangkumi kedudukan autoriti, kekayaan, harta benda, rahsia, dan perkara-perkara yang tidak dilihat oleh siapa pun kecuali Allah (As-Sa'di, 2018). Allah SWT memerintahkan hamba-hambaNya untuk menyerahkan kepercayaan itu kepada ahlinya menunjukkan bahawa perkara yang diamanahkan tidak boleh diberikan kepada orang lain selain daripada orang yang berkemampuan dan terpercaya. Sekiranya dia memberikannya kepada seseorang selain pemiliknya yang sah maka dia tidak bersikap jujur terhadap hal yang diamanahkan kepadanya (As-Sa'di, 2018). Lebih dari itu, Islam mengingatkan tindakan mengangkat orang yang bukan ahlinya tergolong orang yang melanggar amanah serta khianat terhadap Allah SWT, Rasul dan kaum Mukminin (Muhammad Basmeih, 1997; Ghazali & Kamri, 2015).

Himmah al-'Amal (semangat kerja) terhasil daripada motivasi ibadah sebagai pendorong utama di samping motivasi ganjaran (*al-thawab*) dan hukuman (*al-'iqab*) yang menyebabkan seseorang itu sentiasa bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Di samping itu, Islam menuntut setiap Muslim supaya rajin bekerja, beretika, bersungguh-sungguh dan komited dalam menjalankan tanggungjawab. Ketekunan atau

semangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehingga selesai merupakan antara ciri-ciri professionalism yang digariskan dalam Islam (al-Qaradhawi, 1989; Ghazali & Kamri, 2015).

Profesionalisme dalam profesi Islam

Dalam Seminar Penafsiran Semula Peranan Ahli Profesional Muslim Abad Ke-21, Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (1994) menekankan 5 ciri utama yang perlu ada pada golongan profesional Muslim iaitu;

1. Berkemampuan dan berpengetahuan luas. Berkemampuan mengolah maklumat dan pengetahuan yang banyak dengan ketajaman daya analisisnya dan kemampuan untuk berfikir secara integratif dan conceptual. Hal ini membolehkannya bertindak balas dengan cepat terhadap perkembangan persekitaran.
2. Pembelajaran sepanjang hayat iaitu terus-menerus mencari ilmu sepanjang hayat dengan tujuan menyesuaikan diri dengan dunia yang sememangnya sentiasa mengalami perubahan yang dinamik;
3. Kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran-cabaran baru. Kreativiti itu perlu disertai dengan keberanian untuk bertanggungjawab termasuklah sanggup menghadapi risiko. Di samping mereka perlu mempunyai kepekaan terhadap keadilan sosial dan perpaduan.
4. Memiliki harga diri dan kepercayaan pada diri sendiri berteraskan iman yang kuat. Ini akan memungkinkannya berdaya usaha dan berdaya saing di samping mendorongnya bekerjasama dengan pihak lain.
5. Mampu melakukan ijтиhad iaitu menafsir ajaran-ajaran agama yang terbukti relevan dengan perkembangan baru abad ke 21.

Profesionalisme Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa

Kalthum dan Ubaid (2018) dalam penulisan mereka membahaskan persediaan dalam melahirkan mufti yang profesional melalui proses pendidikan, latihan serta pengukuhan pengkhususan. Pendidikan merupakan proses utama dalam mempersiapkan seseorang mufti. Pendidikan syariah di universiti Islam di negara-negara Arab membantu memperkuatkannya penguasaan ilmu pengetahuan ke arah menjadi seorang mufti. Walaubagaimanapun, terdapat juga negara bukan Arab yang menawarkan program ijazah sarjana muda fiqh dan fatwa dalam seperti ditawarkan di Universiti Sains Islam Malaysia lengkap dengan pengkhususan dalam bidang fiqh kewangan Islam, ilmu falak, industri makanan, undang-undang Syariah Malaysia dan juga teknologi maklumat

serta komunikasi. Seterusnya latihan mengeluarkan fatwa di universiti penting sebagai pendedahan awal serta memberi pengalaman di bawah tunjuk ajar pensyarah-pensyarah yang berkelayakan seperti mana yang dilakukan di Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah dengan mengadakan daurah latihan berfatwa sejak 2013 di bawah Kursi Samahatul Sheikh Muhammad Bin Ibrahim. Akhir sekali, proses pengukuhan dengan ditempatkan di bawah badan-badan fatwa seperti Darul Ifta Mesir yang menawarkan program latihan selama 3 tahun pengajian dengan ijazah pengiktirafan diberi oleh mufti besar Mesir kepada peserta-peserta yang berjaya (Rosidi et al., 2021b).

Dalam meningkatkan profesionalisme jawatan Mufti, Abdul Rahim et al. (2009) mengemukakan dua teori utama iaitu teori syarat kelayakan seorang mufti bagi menjadikannya mufti yang kompeten manakala teori kedua adalah teori *professionalism Islam* dan kaitannya dengan penjawat agama. Dalam teori yang pertama, fuqaha secara tegas menetapkan beberapa syarat asasi dan kelayakan yang perlu dimiliki oleh seseorang mufti. Ianya terdiri dari syarat seperti beragama Islam, adil, bertaqwah, mengetahui bahasa Arab, ilmu Usul al-Fiqh, Maqasid al-Syariah, realiti masyarakat dan keilmuan semasa. Semua syarat ini ditetapkan oleh fuqaha antara lainnya bagi membantu, mendidik dan mengatur kewujudan fuqaha/mufti (al-Qaradhawi, 1996). Semua syarat-syarat ini ditetapkan supaya mufti yang dilantik benar-benar berkelayakan dan berkemampuan untuk memikul tanggungjawab yang penting ini. Manakala teori yang kedua pula mengaitkan nisbah profesionalism Islam dengan penjawat agama seperti mufti dengan membandingkan kriteria nisbah profesionalism yang difaham dari perseptif barat untuk beberapa profesi/kerjaya yang khusus. Walaubagaimanapun, hasil kajian tersebut mendapati bahawa nisbah kualiti yang dimiliki oleh jawatan mufti semasa agak lemah dan belum menepati intipati yang terkandung dalam kedua-dua teori tersebut. Hal ini disebabkan Mufti tidak mempunyai kelulusan akademik tertinggi dalam bidang Syariah, yang membolehkannya mempunyai kemahiran penyelidikan hukum yang kompeten. Selain itu, terdapat juga kalangan mufti yang hanya memiliki tahap pengajian di peringkat ijazah pertama dan bukan daripada penghususan di bidang Syariah Islam (Buang, 2012, 2016; Abdul Rahim et al., 2009).

Dalam memperkasakan Profesionalisme Mufti-Mufti dan ahli-ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri, Rosidi et al. (2021b) telah menyimpulkan 3 kriteria penting iaitu seorang mufti hendaklah berpendidikan tinggi, berkelulusan syariah dan berpengalaman sebagai ahli akademik.

i. Berpendidikan Tinggi

Walaupun tidak ada syarat tertentu dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri untuk melayakkan seseorang menjadi mufti di Malaysia (Kasan, 2001), namun begitu, sebagai seorang yang diberi mandat yang besar untuk menjelaskan hukum syarak kepada masyarakat Islam hendaklah mempunyai kelayakan yang tinggi bagi menyempurnakan tugasannya yang penting ini. Kelayakan yang tinggi diperlukan adalah untuk memastikan supaya seorang mufti menjalankan tanggungjawab menjelaskan hukum syarak dengan sebaiknya dan menepati maqasid syariah (Mahmood, 2010; Wan Khairuldin, 2015). Atas objektif tersebut, antara resolusi daripada seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari: "Fiqh Kontemporari dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia" (2016) adalah mempertingkatkan kewibaan para mufti di seluruh negeri dan wilayah persekutuan dengan menggariskan satu dasar perlantikan seseorang mufti yang menetapkan syarat kelayakan minima jawatan tersebut adalah ijazah doktor falsafah (PhD) atau kelayakan setaraf. Resolusi ini diperkuatkan lagi dengan hasil temubual Muhamad Asni dan Sulong (2017) dan temubual Abdul Halim et al. (2018) dengan beberapa orang mufti, tokok akademik dan pegawai istinbat kesemuanya bersetuju bahawa mufti mesti memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Hal ini kerana mereka yang mempunyai ijazah tertinggi mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang penyelidikan, terutama dalam menyelesaikan masalah-masalah Syariah semasa. Selain daripada perlantikan mufti berpendidikan tinggi, jabatan mufti juga seharusnya dibekalkan dengan ahli penyelidik yang kompeten untuk membuat penyelidikan dengan melantik mereka yang mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya di peringkat sarjana serta berpengalaman menjalankan penyelidikan (Abdul Halim et al., 2018). Selain itu, cadangan pelantikan mufti yang mempunyai kelayakan di peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) turut diutarakan juga oleh Abdul Rahim et al. (2009), Buang (2012), Rosele et al. (2013), Buang (2016) dalam kajian-kajian mereka.

Tahap pendidikan mufti yang tinggi bukan sahaja akan meletakkan institusi fatwa pada kedudukan yang lebih dihormati oleh masyarakat (Abdul Rahim et al. 2009), bahkan akan menjamin kualiti penghasilan sebuah penyelidikan yang kompeten natijah daripada proses pendidikan yang panjang iaitu bermula dari ijazah sarjana muda, ijazah sarjana hingga ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD). Selain itu, masalah-masalah seperti konflik terhadap fatwa di Malaysia dapat diatasi sekiranya penyelidikan dilakukan oleh para mufti yang berpendidikan tinggi berteraskan disiplin ilmu dan pengalaman dalam melakukan penyelidikan tersebut (Rosele et al., 2013). Apatahlagi kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa antara faktor kritikan dan penolakan terhadap institusi fatwa adalah disebabkan kaedah dan proses

memutuskan fatwa pada pandangan mereka adalah tidak memuaskan (Buang, 2016). Jesteru, dengan tahap akademik yang tinggi akan memperkasakan dan memperkuuhkan lagi kualiti fatwa dalam sudut ilmiah (Abd Majid, 2016). Kehadiran para mufti yang berkelayakan tinggi dalam bidang akademik sekarang ini sangat menggalakkan dan berpotensi untuk menjurus ke arah perubahan yang baik dengan berbekalkan tahap keilmuan yang tinggi untuk membangunkan diri sebagai ahli profesional yang cekap dan pandai mentadbir dalam hal ehwal fatwa setanding dengan pegawai-pegawai pemerintah di bidang lain (Abd Majid, 2016).

ii. Berkelulusan Syariah

Mufti bukan sekadar menukilkan hukum-hukum sedia ada yang termaktub di dalam al-Quran, as-Sunnah, Ijma', kitab-kitab fiqh mazhab terdahulu, namun lebih daripada itu, mufti diperlukan untuk menjelaskan hukum terhadap permasalahan-permasalahan baru yang timbul yang tiada keputusan hukum daripada rujukan-rujukan terdahulu dengan melakukan ijтиhad dan istinbat iaitu proses mengeluarkan hukum (al-Bakri, 2008, al-Zuhaily, 2018). Oleh itu, dalam konteks untuk menjalankan tugas sebagai seorang mufti, iaanya memerlukan kepakaran dalam bidang hukum Islam iaitu Syariah (Abdul Rahim et al. 2009; Rosele et al., 2013, Buang, 2016). Muhammad al-Zuhaily (2018) meletakkan syarat pertama bagi seorang mufti adalah mengetahui hukum-hukum syariah bagi membolehkannya mengeluarkan fatwa dan meletakkan kriteria memiliki kelulusan ijazah sarjana muda atau peringkat yang lebih tinggi dalam pengkhususan syariah sebagai kayu ukur untuk mengiktiraf seseorang faqih terhadap hukum-hukum syariah. Sementara itu, dalam membahaskan kelayakan semasa seorang mufti, Kalthum dan Ubaid (2018) menyarankan seorang mufti mestilah mempunyai pendidikan syariah daripada universiti Islam yang terdapat di negara-negara Arab supaya di samping penguasaan ilmu syariah diperolehi secara langsung daripada ulama-ulama semasa yang hidup di negara Arab, kemahiran dalam bahasa arab juga akan bertambah secara tidak langsung.

Menyedari hakikat kepentingan ilmu syariah terhadap tugasan seorang mufti, terdapat beberapa saranan agar kelulusan Mufti dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana dalam bidang Syariah supaya meningkatkan lagi kredibiliti para Mufti dan institusi fatwa di Malaysia (Buang, 2016). Abdul Rahim et al. (2009) juga mencadangkan supaya mufti perlu dilantik dari kalangan lulusan bidang Syariah dan pernah mengikuti tahap pengajian di peringkat sarjana/kedoktoran. Hal ini kerana terdapat dalam kalangan mufti yang hanya memiliki tahap pengajian di peringkat ijazah pertama dan bukan daripada pengkhususan di bidang Syariah Islam (Abdul Rahim et al. 2009; Rosele et al., 2013). Natijahnya, Mufti tidak

mempunyai kelulusan akademik tertinggi dalam bidang Syariah yang membolehkannya mempunyai kemahiran penyelidikan hukum yang kompeten (Buang, 2004; Buang, 2016; Abdul Rahim et al. 2009; Rosele et al., 2013; Wan Khairuldin, 2019).

iii. Latar belakang Ahli akademik

Pelantikan para mufti yang mempunyai latar belakang sebagai ahli akademik perlu dibuat supaya dapat memanfaatkan tahap intelektual dan pengalaman luas yang dimiliki oleh mereka dalam melakukan penyelidikan (Abdul Rahim et al., 2009). Seseorang bekas tenaga akademik bertaraf profesor dalam bidang Syariah wajar dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan mufti kerana mereka bukan sahaja memiliki kemahiran menjalankan penyelidikan hukum Islam secara teori dan praktikal bahkan mereka juga memiliki kepakaran untuk mengenalpasti serta mengikuti perkembangan sesuatu teori ilmu yang sifatnya sentiasa berkembang dan relevan untuk kegunaan masyarakat tempatan (Abdul Rahim et al., 2009). Perkembangan bidang fatwa hari ini juga maju seiring dengan perkembangan sains dan teknologi yang memerlukan seorang mufti itu sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan yang pelbagai dengan pembacaan dan pengkajian secara berterusan yang sifat ini dimiliki oleh ahli akademik (Wan Khairuldin et al., 2019). Fatwa-fatwa dalam bidang sains perubatan dan teknologi, sains makanan dan bioteknologi dan juga teknologi pembuatan dan pemprosesan yang sentiasa berkembang maju dengan penemuan-penemuan baru memerlukan mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dan melakukan penyelidikan secara berterusan selain bekerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang tersebut seperti penyelidik daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi serta pusat penyelidikan (Wan Khairuldin et al., 2019).

Selain itu, kebanyakan ahli akademik memiliki sikap keterbukaan yang tinggi apabila didedahkan dengan pandangan sarjana yang berbeza-beza menyebabkan proses penyelesaian masalah yang bersifat holistik dapat dijalankan (Abdul Rahim et al., 2009). Dalam proses mengeluarkan fatwa, meskipun undang-undang pentadbiran Islam sesebuah negeri mengikat sesuatu pandangan hendaklah berasaskan pandangan mazhab syafie, namun demikian kelonggaran juga diberikan sekiranya terdapat pandangan di dalam mazhab lain lebih memenuhi kepentingan awam. Oleh hal yang demikian, mufti dan ahli jawatankuasa fatwa juga perlu didedahkan dengan mazhab fiqh yang pelbagai supaya satu keputusan fatwa tepat dapat dibuat. Walaubagaimanapun, keterikatan kepada pandangan mazhab syafie tidak berlaku di negeri Perlis kerana mereka mengikut al-Quran dan Sunnah berpandukan tafsiran dan penjelasan daripada ulama-ulama dari berbagai-bagi mazhab dan mereka tidak terikat kepada sesuatu mazhab ahli sunnah

tertentu, mereka tidak terikat kepada mazhab syafie seumpamanya atau kepada mazhab hambali atau sebagainya. Mereka menerima pakai mana-mana sahaja pendapat mazhab empat yang disokong oleh dalil yang kuat. Ini bererti mereka tidak menolak pendapat imam-imam mazhab empat, bahkan mereka menyokongnya (Daud, 1997). Dengan pelantikan mufti berlatar belakangkan ahli akademik akan merancakkan lagi elemen ijтиhad dalam proses pengeluaran fatwa supaya lebih selaras dengan perkembangan masyarakat dan menjadikan fatwa tersebut lebih berkredibel (Abdul Rahim, et al., 2009; Buang, 2012; Buang, 2016; Abdul Majid, 2016). Walaubagaimanapun, kajian Mohamed Azam (2004) mendapati dalam 129 orang ahli jawatankuasa fatwa di seluruh negeri ketika itu hanya 27 orang sahaja merupakan ahli akademik (20.9%). Kekurangan ahli akademik yang dilantik sebagai mufti dan ahli jawatankuasa fatwa negeri menyumbang kepada berlakunya konflik dalam keputusan fatwa di Malaysia (Rosele et al., 2013).

Oleh hal yang demikian, perlunya kajian untuk menganalisis 3 aspek penting ini yang sering dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang meletakkannya sebagai punca berlakunya konflik dalam pengeluaran fatwa di Malaysia serta menjadi sebab penolakan masyarakat terhadap fatwa yang telah dikeluarkan kerana kurangnya keyakinan terhadap tahap profesionalisme mufti dan ahli jawatankuasa sesebuah negeri (Rosidi et al., 2021a). Pada masa yang sama, kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti tahap kelayakan semasa mufti dan ahli jawatankuasa fatwa negeri supaya sentiasa berkemampuan menghasilkan fatwa yang bermutu, menepati maqasid syariah dan diyakini oleh masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap profesionalisme mufti dan ahli jawatankuasa sesebuah negeri, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah analisis dokumen. Kajian kualitatif adalah kajian menggunakan data selain dari angka atau bilangan, sebaliknya ia menggunakan fakta, maklumat, ulasan, pernyataan, maksud konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi dan seumpamanya (Awang, 2001). Analisis dokumen pula digunakan bagi mengumpul data daripada bahan bacaan seperti buku, artikel dalam jurnal dan prosiding, serta tesis dan disertasi. Analisis dokumen digunakan bagi mengetahui isi dan makna yang terkandung di dalam dokumen tersebut (Jasmi, 2012). Disebabkan kewujudan 14 JawatanKuasa Fatwa Negeri di Malaysia, kajian ini memilih Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, Negeri Terengganu dan Negeri Pahang untuk dianalisis berdasarkan respon balas semasa dari jabatan-jabatan fatwa tersebut. Maklumat berkenaan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis diperolehi melalui laman web rasmi Jabatan tersebut dan laman-laman web rasmi universiti tempat ahli-ahli

jawatankuasa tersebut berkhidmat. Sementara itu, maklumat terperinci berkenaan ahli jawatankuasa fatwa Negeri Terengganu diperolehi melalui surat balas daripada Timbalan Mufti Negeri Terengganu, Haji Ahadi Bin Othman pada 3 Mei 2021 manakala bagi maklumat ahli jawatankuasa fatwa negeri Pahang pula diperolehi melalui panggilan telefon dengan Ketua Penolong Mufti Bahagian Fatwa Negeri Pahang, Tuan Haji Dr. Muhamad Miziazam Bin Yahaya pada 7 April 2021. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis komparatif. 3 aspek utama dalam memperkasakan tahap profesionalisme pelantikan Mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri seperti yang dinyatakan di dalam sorotan kajian iaitu tahap pendidikan yang tinggi, pengkhususan kelulusan dan juga latar belakang pengalaman kerjaya sebagai ahli akademik akan dikenalpasti.

Analisis terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

Mengikut seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006, Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada Mufti sebagai pengurus, timbalan mufti, enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuk tidak lebih daripada tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai setiausaha. Walaubagaimanpun, beberapa pindaan telah dibuat dengan menukar nama Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada tahun 2010 dan penambahan bilangan Ahli Jawatankuasa ditambah daripada 9 orang ahli kepada 15 ahli pada tahun 2012 yang melibatkan pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2020). Senarai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 boleh dilihat di dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Senarai Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021

Bil	Nama	Jawatan
1	Sahibus Samahah Mufti Negeri Perlis Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin	Pengerusi
2	Sahibul Fadhilah Timbalan Mufti Negeri Perlis (Kosong)	Ahli
3	Sahibul Fadhilah Profesor Dato' Kaya Bakti Dr. Mohd. Radzi Bin Haji Othman	Ahli
4	Sahibul Fadhilah Dato' Alim Setia Ahmad Bin Jusoh	Ahli
5	Sahibul Fadhilah Profesor Dr. Basri Bin Ibrahim	Ahli
6	Sahibul Fadhilah Profesor Madya Dr. Muhamad Rozaimi Bin Ramle	Ahli

7	Sahibul Fadhilah Dato' Dr. Johari Bin Mat	Ahli
8	Sahibul Fadhilah Ustaz Syed Abu Bakar Bin Syed Kamal Bharin Jamalullail	Ahli
9	Sahibul Fadhilah Dr. Zaharuddin Bin Abdul Rahman	Ahli
10	Sahibul Fadhilah Profesor Madya Dr. Azman Bin Mohd Noor	Ahli
11	Sahibul Fadhilah Profesor Madya Dr. Ahmad Wifaq Bin Mokhtar	Ahli
12	Sahibul Fadhilah Profesor Madya Dr. Mohd Akram Bin Dato' Dahaman @ Dahlan	Ahli
13	Sahibul Fadhilah Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin	Ahli
14	Sahibul Fadhilah Dr. Ahmad Sufian Bin Che Abdullah	Ahli
15	<u>Ustaz Muhammad Khidhir Bin Abdul Ghani</u>	Setiausaha

Sumber: muftiperlis.gov.my

Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

Di Terengganu Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa dilantik oleh Sultan melalui cadangan yang dikemukakan oleh anggota Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu. Sultan juga berhak membatalkan perlantikan Ahli Jawatankuasa Fatwa ini pada bila-bila masa dengan memaklumkannya dalam Warta Kerajaan. Berdasarkan Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 2001, keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu terdiri daripada seorang Mufti sebagai Pengerusi, seorang Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang yang layak dan sesuai yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha. Senarai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu 2021 seperti yang terdapat di dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Senarai Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Terengganu 2021

Bil	Nama	Jawatan
1	Sahibus Samahah Mufti Negeri Terengganu Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Bin Haron	Pengerusi
2	Sahibul Fadhilah Timbalan Mufti Negeri Terengganu Haji Ahadi Bin Othman	Ahli
3	Haji Mohamad Zahari Bin Harun	Ahli
4	Sahibul Fadhilah Prof. Dr. Kamarul Shukri Bin Mat Teh	Ahli

5	Sahibul Fadhilah Prof. Dr. Mohd Nasran Bin Mohamad	Ahli
6	Sahibul Fadhilah Haji Talib Bin Abdul Rahman	Ahli
7	Sahibul Fadhilah Haji Hassan Bin Mamat	Ahli
8	Sahibul Fadhilah Ustaz Haji Khiral Anuar Bin Daud	Ahli
9	Sahibul Fadhilah Ustaz Haji M Rozi Bin Bidin	Ahli
10	Ustaz Ihsanuddin Bin Ismail	Setiausaha

Sumber: Haji Ahadi Bin Othman (2021)

Jawatankuasa Fatwa Negeri Pahang


Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Pahang dinamakan sebagai Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak berdasarkan peruntukan seksyen 39 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991. Mengikut Seksyen yang sama, seorang Mufti perlu dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa, diikuti dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis, seseorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis dan sekurang-kurangnya dua orang, tetapi tidak lebih daripada enam orang yang akan dilantik oleh Majlis, terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam Hukum Syarak. Di dalam jadual 3 di bawah dipaparkan senarai ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang 2021.

Jadual 3: Senarai Ahli JawatanKuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang 2021

Bil	Nama	Jawatan
1	Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman	Pengerusi
2	Sahibul Fadhilah Timbalan Mufti Negeri Pahang Dato' Haji Abdul Zaki Bin Md Zin	Ahli
3	YAM Tengku Panglima Raja Lt. Kol. Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah	Ahli
4	Sahibul Fadhilah Prof. Emeritus Dr. Abdul Shukor Bin Haji Hussin	Ahli
5	Sahibul Fadhilah Prof. Dato' Dr. Abdul Monir Bin Yaacob	Ahli
6	Sahibul Fadhilah Haji Abdul Rauf Bin Nurin	Ahli
7	Sahibul Fadhilah Haji Ahmad Naim Bin Mohammad	Ahli
8	Sahibul Fadhilah YM Engku Ahmad Fadzil Bin Engku Ali	Ahli

9	Sahibul Fadhilah Dato' Haji Mokhtar Bin Shafie	Ahli
10	Ustaz Nor Ridzuan Bin Abd Manan	Setiausaha

Sumber: Muhamad Miziazam (2021)

Kelulusan Tertinggi Akademik Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri


Berdasarkan senarai Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021, didapati 11 ahli memiliki kelulusan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD). Mereka adalah Mufti Negeri Perlis Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi USM, 2021a), Prof. Dato' Kaya Bakti Dr. Mohd. Radzi Bin Haji Othman (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi USM, 2021b), Prof. Dr. Basri Bin Ibrahim (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi FPKI), Prof. Madya Dr. Muhammad Rozaimi Bin Ramle (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; MyUPSI Portal, 2021), Dato' Dr. Johari Bin Mat (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal Rasmi Parlimen Malaysia, 2014), Dr. Zaharuddin Bin Abdul Rahman (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Wikipedia, 2021), Prof. Madya Dr. Azman Bin Mohd Noor (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal IIUM, 2021), Prof. Madya Dr. Ahmad Wifaq Bin Mokhtar (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal FSU USIM, 2021), Prof. Madya. Dr. Mohd Akram Bin Dato' Dahaman @ Dahlan (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; UUM Expert, 2021), Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin (Portal FPQS USIM, 2021) dan Dr. Ahmad Sufian Bin Che Abdullah (UMEXPERT, 2021). Selain itu, seorang ahli memiliki kelulusan ijazah sarjana sebagai kelulusan tertinggi iaitu Dato' Alim Setia Ahmad Bin Jusoh (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018) manakala Ustaz Syed Abu Bakar Bin Syed Kamal Bharin Jamalullail (Syed Abu Bakar, 2021) memiliki kelulusan ijazah sarjana muda sebagai kelulusan tertinggi. Peratusan tertinggi adalah sebanyak 84% daripada Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 memiliki kelulusan ijazah doktor falsafah (PhD).

Senarai Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Terengganu 2021 menunjukkan 3 ahli memilik kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) iaitu Mufti Negeri Terengganu Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Bin Haron, Prof. Dr. Kamarul Shukri Bin Mat Teh dan Prof. Dr. Mohd Nasran Bin Mohamad. Selain itu, Haji Talib Bin Abdul Rahman dan Haji Khiral Anuar Bin Daud masing-masing memiliki ijazah sarjana sebagai kelulusan tertinggi. Manakala Timbalan Mufti Negeri Terengganu Haji Ahadi Bin Othman, Haji Mohamad Zahari Bin Harun, Haji Hassan Bin Mamat, Haji M Rozi Bin Bidin dan Ustaz Ihsanuddin Bin Ismail berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Haji Ahadi Bin Othman, 2021).

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang 2021 merekodkan 3 ahli memiliki sijil doktor falsafah (PhD) iaitu Mufti Negeri Pahang Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman, Prof. Emeritus Dr. Abdul Shukor Bin Haji Hussin dan Prof. Dato' Dr. Abdul Monir Bin Yaacob. 4 ahli jawatankuasa memiliki kelulusan ijazah sarjana sebagai kelulusan tertinggi iaitu YAM Tengku Panglima Raja Lt. Kol. Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, YM Engku Ahmad Fadzil Bin Engku Ali, Dato' Haji Mokhtar Bin Shafie dan Ustaz Nor Ridzuan Bin Abd Manan. Selain itu, seorang ahli memiliki ijazah sarjana muda sebagai kelulusan tertinggi iaitu Timbalan Mufti Negeri Pahang Dato' Haji Abdul Zaki Bin Md Zin manakala Haji Abdul Rauf Bin Nurin dan Haji Ahmad Naim Bin Mohammad tidak mendapat pendidikan formal di universiti sebaliknya sebaliknya melanjutkan pengajian di pondok dan madrasah tradisional (Muhamad Miziazam, 2021).

Pengkhususan Pengajian Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri

Rajah 2: Pengkhususan Pengajian Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri



Setelah melakukan semakan terhadap latar belakang bidang pengajian ahli-ahli jawatankuasa fatwa Negeri Perlis, pengkaji mendapati bahawa seramai 6 ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri mempunyai Ijazah Doktor Falsafah Syariah iaitu Prof. Dr. Basri Bin Ibrahim (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi FPKI), Prof. Madya Dr. Azman Bin Mohd Noor (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal IIUM, 2021), Prof. Madya Dr. Ahmad Wifaq Bin Mokhtar (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal FSU USIM, 2021), Prof. Madya. Dr. Mohd Akram Bin Dato' Dahaman @ Dahlan (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; UUM Expert, 2021), Dr. Zaharuddin Bin Abdul Rahman (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Wikipedia, 2021), dan Dr. Ahmad Sufian Bin Che Abdullah (UMEXPERT, 2021). Manakala 4 ahli jawatankuasa fatwa memiliki kelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Hadith iaitu Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi USM, 2021a), Prof. Dato' Kaya Bakti Dr. Mohd. Radzi Bin Haji Othman (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi USM, 2021b), Prof. Madya Dr. Muhamad Rozaimi Bin Ramle (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; MyUPSI Portal, 2021) dan juga Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin (Portal FPQS USIM, 2021). Selain itu, Dato' Dr. Johari Bin Mat (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal Rasmi Parlimen Malaysia, 2014), Dato' Alim Setia Ahmad Bin Jusoh (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018) berkelulusan aqidah. Ustaz Syed Abu Bakar Bin Syed Kamal Bharin Jamalullail pula lulusan usuluddin (Syed Abu Bakar, 2021).

Bagi ahli jawatankuasa fatwa Negeri Terengganu, 7 ahli merupakan lulusan Syariah. Mereka ialah Mufti Negeri Terengganu Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Bin Haron, Timbalan Mufti Negeri Terengganu Haji Ahadi Bin Othman, Prof. Dr. Mohd Nasran Bin Mohamad, Haji Hassan Bin Mamat, Haji Khiral Anuar Bin Daud, Haji M Rozi Bin Bidin dan Ustaz Ihsanuddin Bin Ismail. Sementara itu, Prof. Dr. Kamarul Shukri Bin Mat Teh dan Haji Talib Bin Abdul Rahman masing-masing berkelulusan Bahasa Arab. Manakala Haji Mohamad Zahari Bin Harun pula bukan berkelulusan pengajian Islam (Haji Ahadi Bin Othman, 2021).


Ahli jawatankuasa fatwa Negeri Pahang terdiri daripada 5 ahli berkelulusan Syariah iaitu Mufti Negeri Pahang Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman, Timbalan Mufti Negeri Pahang Dato' Haji Abdul Zaki Bin Md Zin, Dato' Dr. Abdul Monir Bin Yaacob, Haji Ahmad Naim Bin Mohammad dan YM Engku Ahmad Fadzil Bin Engku Ali. Manakala Prof. Emeritus Dr. Abdul Shukor Bin Haji Hussin berkelulusan aqidah. Dato' Haji Mokhtar Bin Shafie dan Ustaz Nor Ridzuan Bin Abd Manan masing-masing berkelulusan Usuluddin. YAM Tengku Panglima Raja Lt. Kol. Tengku Amir Nasser Ibrahim

Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pula berkelulusan Ketamadunan Islam (Muhamad Miziazam, 2021).

Pengalaman Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri sebagai Ahli Akademik

Rajah 3: Pengalaman Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri sebagai Ahli Akademik

■ Tiada ■ Pensyarah ■ Professor Madya ■ Professor



Merujuk kepada pengalaman kerjaya Ahli-Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 didapati bahawa hanya seorang ahli iaitu Sahibul Fadhilah Ustaz Syed Abu Bakar Bin Syed Kamal Bharin Jamalullail tiada pengalaman kerjaya sebagai ahli akademik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (Syed Abu Bakar, 2021). Sebaliknya 2 ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 bertaraf Profesor iaitu Prof. Dato' Kaya Bakti Dr. Mohd. Radzi Bin Haji Othman (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi USM, 2021b) dan Prof. Dr. Basri Bin Ibrahim (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi FPKI). Sementara itu, seramai 6 ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 dilantik ke jawatan Profesor Madya iaitu Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Laman Web Rasmi USM, 2021a), Profesor Madya Dr. Muhammad Rozaimi Bin Ramle (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; MyUPSI Portal, 2021), Dato' Dr. Johari Bin Mat (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018), Profesor. Madya Dr. Azman Bin Mohd Noor (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal IIUM, 2021), Profesor Madya Dr. Ahmad Wifaq Bin Mokhtar (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; Portal FSU USIM, 2021) dan juga Profesor Madya. Dr. Mohd Akram Bin Dato' Dahaman @ Dahlan (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018; UUM Expert, 2021). Manakala Dato' Alim Setia Ahmad Bin Jusoh Jusoh (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018), Dr. Zaharuddin Bin Abdul Rahman Jusoh (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2018), Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin (Portal FPQS USIM, 2021) dan juga Dr. Ahmad Sufian Bin Che Abdullah (UMEXPERT, 2021) berpengalaman sebagai penyarah kanan di IPTA.

Bagi Ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Terengganu, 5 ahli berpengalaman sebagai ahli akademik di IPTA iaitu terdiri daripada 2 Profesor; Prof. Dr. Kamarul Shukri Bin Mat Teh dan Prof. Dr. Mohd Nasran Bin Mohamad, seorang Profesor Madya iaitu Mufti Negeri Terengganu Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Bin Haron dan 2 orang pensyarah; Haji Talib Bin Abdul Rahman dan Haji Khiral Anuar Bin Daud. 5 ahli lagi iaitu Timbalan Mufti Negeri Terengganu Haji Ahadi Bin Othman, Haji Mohamad Zahari Bin Harun, Haji Hassan Bin Mamat, Ustaz Haji M Rozi Bin Bidin dan Ustaz Ihsanuddin Bin Ismail tidak berlatar belakangkan sebagai ahli akademik di IPTA/IPTS (Haji Ahadi Bin Othman, 2021).

Seramai 4 Ahli JawatanKuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang 2021 mempunyai pengalaman sebagai ahli akademik di IPTA. Mereka adalah Prof. Emeritus Dr. Abdul Shukor Bin Haji Hussin dan Prof. Dato' Dr. Abdul Monir Bin Yaacob, Prof. Madya Dato' Haji Mokhtar Bin Shafie dan YM Engku Ahmad Fadzil Bin Engku Ali. Manakala Mufti Negeri Pahang Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman, Timbalan Mufti Negeri Pahang Dato' Haji Abdul Zaki Bin Md Zin, YAM Tengku Panglima Raja Lt. Kol. Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Haji Abdul Rauf Bin Nurin, Haji Ahmad Naim Bin Mohammad dan Ustaz Nor Ridzuan Bin Abd Manan tiada pengalaman sebagai ahli akademik di IPTA/IPTS (Muhamad Miziazam, 2021).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, untuk memperkasakan profesionalisme jawatan mufti dan ahli jawatankuasa fatwa di Malaysia, selain daripada memenuhi syarat-syarat asas untuk dilantik menjadi mufti iaitu Muslim, mukalaf, adil dan mujtahid, syarat berkemampuan (al-Qaradhawi, 1989; Abdul Hamid, 1994) perlu diperincikan supaya memastikan individu dilantik benar-benar layak dan mencapai tahap profesionalisme yang tinggi. Dalam mengukur tahap kemampuan seseorang individu, 3 aspek penting yang mempu memperkasakan tahap profesionalisme jawatan mufti dan ahli jawatankuasa fatwa negeri iaitu berpendidikan tinggi, berkelulusan syariah dan berlatar belakangkan ahli akademik perlu dinilai (Abdul Rahim et al., 2009; Mahmood, 2010; Buang, 2012, 2016; Rosele et al., 2013; Wan Khairuldin, 2015; Abd Majid, 2016; al-Zuhaily, 2018; Kalthum & Ubaid, 2018; Rosidi et al., 2021b).

Setelah melakukan penelitian terhadap 3 aspek ini terhadap Mufti-Mufti 3 negeri, pengkaji mendapati ketiga-tiga mufti memiliki kelulusan Ijazah Doktor Falsafah yang menunjukkan pengalaman mereka telah diiktiraf dalam melakukan kajian penyelidikan dengan disiplin ilmu yang betol. Walaupun pengkhususan Ijazah Doktor Falsafah Mufti Perlis dan Pahang bukan Syariah

seperti yang dicadangkan oleh Buang (2016) dan Abdul Rahim et al. (2009), namun kedua-dua mereka mempunyai ijazah sarjana muda Syariah melepas syarat asas Muhammad al-Zuhaily (2018) untuk mengiktiraf seseorang itu faqih terhadap hukum-hukum syariah. Dari segi latar belakang sebagai ahli akademik, Mufti Perlis dan Mufti Terengganu telah memenuhi kriteria tersebut.

Dalam Jawatankuasa fatwa negeri pula, Negeri Perlis telah bertindak maju ke hadapan dengan membuat pindaan kepada Enekmen Pentadbiran Agama Islam Perlis untuk membolehkan lebih ramai ahli dipilih menganggotai Jawatankuasa Fatwa Negeri. Bahkan, pelantikan ahli-ahli jawatankuasa fatwa Negeri Perlis 2021 pula mengutamakan kelulusan akademik yang tinggi dan berlatar belakangkan pengalaman sebagai ahli akademik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

Bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu dan Pahang, penerapan kriteria seperti yang dibahaskan oleh pengkaji berada di tahap sederhana. Negeri Pahang mengekalkan amalan tradisi dengan melantik tokoh agamawan yang tidak mendapat pengajian formal di mana-mana universiti ke dalam jawatankuasa fatwa negeri. Hal ini seperti yang telah dinyatakan oleh Kasan (2001) bahawa ada di kalangan ahli-ahli jawatankuasa fatwa yang hanya berkelulusan sekolah pondok zaman dahulu. Kebanyakan yang berkelulusan sebegini adalah terdiri daripada generasi tua yang telah berusia lebih dari lima puluh tahun.

Walaubagaimanapun, secara keseluruhan sudah banyak peningkatan dan penambahbaikan dalam pelantikan ahli jawatankuasa fatwa negeri telah dibuat. Jika kajian Rosele et al. (2013) menunjukkan kekurangan ahli akademik yang dilantik sebagai mufti dan ahli jawatankuasa fatwa negeri malah Mohamed Azam (2004) mendapati dalam 129 orang ahli jawatankuasa fatwa di seluruh negeri ketika itu hanya 27 orang sahaja merupakan ahli akademik (20.9%), namun kajian ini mendapati daripada 33 ahli jawatankuasa fatwa 3 negeri, seramai 21 ahli berlatar belakangkan ahli akademik di IPTA (63.6%). Selain itu, 17 ahli memiliki Ijazah Doktor Falsafah (51.5%). Oleh hal yang demikian, dengan kelulusan akademik yang tinggi dan pengalaman sebagai ahli akademik, keanggotaan Ahli Jawatankuasa Fatwa 3 negeri ini yang terdiri daripada pelbagai pakar dalam bidang masing-masing memberi nilai kelebihan bagi menghasilkan kajian-kajian fatwa yang lebih bermutu dan menyelesaikan permasalahan serta memberi panduan kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, kajian ini turut mencadangkan supaya pemilihan seorang mufti mestilah dibuat dengan mengambil kira tahap

pendidikan yang tinggi, pengkhususan bidang pengajian syariah dan latar belakang sebagai ahli akademik untuk dipertimbangkan ke jawatan mufti. Manakala bagi ahli jawatankuasa fatwa negeri pula, tahap pendidikan yang tinggi dengan pengkhususan yang pelbagai seperti syariah, aqidah, hadith, tafsir, dakwah dan sebagainya diperlukan dalam menghadapi pelbagai isu-isu baru yang memerlukan keputusan fatwa dibuat ke atasnya, selain daripada berpengalaman sebagai ahli akademik di IPTA/IPTS untuk merancakkan bidang penyelidikan terhadap fatwa-fatwa semasa. Kajian ini juga mencadangkan, kajian dilanjutkan ke atas Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri lain juga.

RUJUKAN

- Abd Majid, M.Z.H. (2016). "Aplikasi Fiqh Kontemporari Dalam Menangani Persoalan Hukum Baru Kefatwaan". *Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari: Fiqh Kontemporari Dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia*. Khamis. 10 Mac. IAIS Malaysia
- Abdul Halim, H., Abdul Rahman, A., & Ismail, A.M. (2018). "Amalan dan Kaedah Pengeluaran Fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan: Analisis Awal". *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Sefpia 2018 (Special Issue). P 1-15. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.2>
- Abdul Hamid, A. S. (1994). "Penafsiran Semula Peranan Ahli Profesional Muslim Abad Ke-21", (Ucapan Ketua Setiausaha Negara di Seminar Sehari Penafsiran Semula Peranan Ahli Profesional Muslim Abad Ke-21, Anjuran Muslim Business And Professional Fellowship di Hotel Park Royal : 25 Januari .
- Abdul Rahim, R. A., Ismail, P. & Mohd Dahlal, N. H. (2009). "Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisis". *Jurnal Syariah*. Jil. 17, Bil. 1. P 195-222.
- Abu Hassan, M. A. & Musa, K. (2020). "Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia". *Management Research Journal*. Vol 9, No 2. P 37-45.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/3536>
- Ahmad Ibrahim. (1965). *Sources and development of Muslim law*. Singapore.
- al-Asnawi. (tt). *Nihayat al-sulfi 'ilmu al-usul*. Kaherah :Jam'iyah Nayral-Kutub al-Arabiah.
- al-Bakri, Z. M. (2008). "Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah". Cetakan pertama 2008, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- al-Juwainy, A. M. A. (1992). *al-Burhan fi usul al-fiqh*. Al-Mansurah : Dar al-Wafa.
- al-Qaradhawi, Y. (1989). "Khaṣā'is al-'Ammah li al-Islām". Qahirah: Mu'assasah al-Risalah,
- al-Qaradhawi, Y. (1996), *Fatwa Antara Ketelitian Dan Kecerobohan*, terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi, Kuala Lumpur: Thinker Libraries.

- al-Qasimi, J. (1986). *al-Fatwa fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Qudsy, S. H. S. I., Ab. Rahman, A. & Mohd Zain, M. I. (2009). "Pengukuhan Nilai Dan Profesionalisme Di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan Di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Jil 17 (3). P 559-592.
- al-Zuhaily, M. (2018). "Ahliyah al-Mufti wa Zahirah Faudho al-Ifta al-Muasarah". *AMJA 15th Annual Imams' Conference [Principle of Giving Religious Rulings (Fatwaa)]* Feb 23th -25th. Houston – United States.
- Antoniuk, S. (2019). "The Principle of Professionalism of a Lawyer as the Basis for Providing Qualified Legal Assistance to a Client in Civil Legal Proceedings of Ukraine". *International Electronic Scientific Journal*. Vol 6; No 5. P 1001-1011.
- Asni, F. A. H. M. (2017). "Al-Syatibi Approach in Fatwa Standardizations and its Effect of States' Fatwa Committee". *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol 7 (4). P 1175-1183. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i4/2924>
- As-Sa'di, A. R. N. (2018). *Tafseer as-Sa'di*. English Edition 1. Publish by International Islamic Publishing House
- as-Syatibi, I. M. (1994). *Al-Muwafaqat fi usul al-shari'ah*. Beirut; Daral-Ma'arif.
- Awang, I. (2001). *Kaedah penyelidikan: suatu sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Bliss, J. (2021). "Becoming Global Lawyers: A Comparative Study of Civic Professionalism". *Law & Social Inquiry*, 1-24. doi:10.1017/lsi.2020.30
- Buang, A.H. (2016). "Memperkuat Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa Di Malaysia". *Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari: Fiqh Kontemporari Dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia*. Khamis. 10 Mac. IAIS Malaysia
- Coram, P. J. & Robinson, M. J. (2017). "Professionalism and Performance Incentives in Accounting Firms". *Accounting Horizons*. Vol 31 (1). P 103-123 <https://doi.org/10.2308/acch-51636>
- Daud, Z. @ M. (1997). "Ahli Sunnah Perlis : Kelahiran Dan Perkembangannya". *Jurnal Usuluddin*. June. Vol 5. 137–152.

- Fong, W., Kwan, Y.H., & Yoon, S. (2020). "Assessment of medical professionalism: preliminary results of a qualitative study". *BMC Med Educ* 20, 27. <https://doi.org/10.1186/s12909-020-1943-x>
- Ghozali, M. & Kamri, N.A. (2015). "Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam pekerjaan: Satu Analisis Teoritis". *Jurnal Syariah*. Jil 23 (2). P 225-286.
- Haji Ahadi Bin Othman. (2021). "Maklumat Diri Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Bagi Penggal ke Empat Belas (3 Februari 2021-hingga 2 Februari 2023)". (Surat kepada penulis). 3 Mei 2021.
- Hassan, M. A. (1992). "*The Tawhidic Approach in Management and Public Administration*". (Kuala Lumpur: INTAN).
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). (1991). "*Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*". Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). (2003). "*Citra Karya Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*". Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Ishak, O. (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Fajar Bakti.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2018). Kompilasi Keputusan Fatwadari tahun 2015-2017. Cetakan kedua. Perlis: Jabatan Mufti Negeri Perlis.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. 2020. "Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis". Diakeses pada 13 Mei 2021, <https://muftiperlis.gov.my/index.php/bahagian-fatwa/jawatankuasa-fatwa-negeri-perlis>.
- Jalil, A., Mahmood, Q.K. & Fischer, F. (2020). "Young medical doctors' perspectives on professionalism: a qualitative study conducted in public hospitals in Pakistan". *BMC Health Serv Res* 20, 847. <https://doi.org/10.1186/s12913-020-05681-w>
- Jasmi, K A. (2012). "*Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*". In: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, 28-29 Mac 2012, Puteri Resort Melaka. (Unpublished)

- Kalthum, B. Z. & Ubaid, H. (2018). "Ahliyah al-Mufti fi al-Ifta al-Muasarah". *Majallat al-Dirasah al-fiqhiyah wa al-Qadaiyah*. Vol 4. P 93-118.
- Kamri, N. A. (2002). "Etika Pengurusan Islam dan Konvensional: Satu Analisis Perbandingan". *Jurnal Syariah* 10/2. P 43-66
- Kasan, H. & Jamal, J. 2003. Fatwa dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah al-Syar'iyah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Vol 7. P 89-111.
- Kasan, H. (2001) "Institusi fatwa dalam perundangan negara: Satu penilaian menurut siasah syar'iyah". MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol 2 . pp. 37-64. ISSN 1511-8393
- Khareng, M., Machea, R., Khaekphong, H. & Awang, J. (2020). "Tahap Profesionalisme Guru Agama dan Keberkesanannya di Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia". *International Journal of Islamic Thought*. Vol 17 (June). P 78- 89. <https://doi.org/10.24035/ijit.17.2020.171>
- Lail, B., MacGregor, J. & Marcum, J. (2017). "Virtuous Professionalism in Accountants to Avoid Fraud and to Restore Financial Reporting". *J Bus Ethics* 140, p 687-704. <https://doi.org/10.1007/s10551-015-2875-y>.
- Laman Web Rasmi FPKI UNISZA. Pusat Pengajian Syariah. <https://fki.unisza.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=81&Itemid=269> diakses: 5 April 2021.
- Laman Web Rasmi USM. 2021a. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian. Dato' Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin. <<https://humanities.usm.my/index.php/islamic-studies/dato-dr-mohd-asri-zainul-abidin#research>> diakses: 5 April 2021.
- Laman Web Rasmi USM. 2021b. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian. Dato' Dr. Mohd Radzi Othman. <<https://humanities.usm.my/index.php/islamic-studies/dato-dr-mohd-radzi-othman>> diakses: 5 April 2021.
- Mahmood, A. M. (2010). "Fatwa Dalam Syariat Islam", dalam *Majalah Sinar Rohani*. Mac-April 2/2010, bilangan 63. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

McEvoy, K. (2019). "Cause Lawyers, Political Violence, and Professionalism in Conflict". *Journal of Law and Society*. Vol 46; No 4. P 529-558. <https://doi.org/10.1111/jols.12188>.

Mohamed Azam, M. A. (2004) "Organisasi dan Jabatan Mufti," dlm Fatwa di Malaysia, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM).

Muhamad Miziazam Bin Yahaya. Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa. 7 April 2021. Jabatan Mufti Negeri Pahang. *Maklumat diri Ahli Jawatan Kuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang 2021* (Temubual Peribadi).

Muhammad Basmeih, A. (1997). "*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*". Kuala Lumpur; Darul Fikir.

MyUPSI Portal. Profesor Madya Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramle. <<https://portal3.upsi.edu.my/cms/DirektoriPakar/viewDetail.jsp?SID=7212D2D5449B3191>>diakses: 5 April 2021.

Nasohah, Z. (2005). "Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia". *Jurnal Islamiyyat*. Vol 27 (1). p 25-44.

Portal FPQS USIM. 2021. Staff Directory. <<https://fpqs.usim.edu.my/staff-directory-2/>>diakses: 6 April 2021.

Portal FSU USIM. 2021. Associate Profesor Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar. <<https://fsu.usim.edu.my/associate-profesor-2-2/>>diakses: 6 April 2021.

Portal IIUM. 2021. Staff Directory: Azman Bin Mohd. Noor (Assoc. Prof. Dr.). <<https://www.iium.edu.my/directory/show/2902>>diakses: 6 April 2021.

Portal Rasmi Parlimen Malaysia. 2014. Dato' Dr. Johari Mat Angkat Sumpah Sebagai Senator Bagi Penggal Kedua. <https://www.parlimen.gov.my/angkat_sumpah_14_julai_2014_2.html>diakses: 6 April 2021.

Rosele, M. I., Abdullah, L. H., Ismail, P. H., & Ramli, M. A. (2013). "Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal". *Jurnal Fiqh*. Vol. 10 . p 31-56.

Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W. & Abdul Majid, M. N (2021a). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Satu Tinjauan

Literatur: Acceptance of Fatwa Among Malaysian Muslim Society:A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no1.335>

Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W. & Abdul Majid, M. N (2021b). Pemerkasaan Profesionalisme Mufti Dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri: Analisis Terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021*. Bangi: Kuis.

Stubbing, E. A., Helmich, E. & Cleland, J. (2019). "Medical student views of and responses to expectations of professionalism". *Journal of Medical Education*. Vol 53. P 1025-1036. <https://doi.org/10.1111/medu.13933>

Sulaiman, E. (2002). "Amalan Profesionalisme Perguruan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Syed Abu Bakar Bin Syed Kamal Bharin Jamalullail. Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. 2 Mac 2021. Jabatan Mufti Negeri Perlis. Maklumat peribadi. (Temubual Peribadi).

Syed Hassan, S. N., Tamuri, A. H., Othaman, I. & Mamat, M. S. (2009). "Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSIM". *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (2). pp. 31-50.

UMEXPERT. 2021. Dr. Ahmad Sufian Bin Che Abdullah. <
<https://umexpert.um.edu.my/sufyan>>diakses: 6 April 2021.

UUM Expert. 2021. Prof. Madya Dr. Mohd Akram Bin Dato' Dahaman @ Dahlan. <
http://www.experts.uum.edu.my/Researcher_Info.aspx?nopkj=3049>diakses: 6 April 2021.

Wan Khairuldin, W.M.K.F. (2015). "Kriteria Penyelidik Muslim Berasaskan Kriteria Kelayakan Mufti". *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol 5 (1). P 27-53.

Wikipedia. 2021. Zaharuddin Abd Rahman. <
https://ms.wikipedia.org/wiki/Zaharuddin_Abd_Rahman>diakses: 6 April 2021.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.